

14 JUL 2001

MBM-Khidmat

MBM MINTA KERAJAAN KAJI KEMUNGKINAN MULA KHIDMAT NEGARA UNTUK BELIA

PUTRAJAYA, 14 Julai (Bernama) -- Majlis Belia Malaysia (MBM) meminta kerajaan mengkaji kemungkinan Malaysia memulakan Khidmat Negara untuk belia bagi meningkatkan patriotisme di kalangan mereka.

Presiden MBM Saifuddin Abdullah berkata khidmat negara itu boleh dilaksanakan sama ada dalam bentuk ketenteraan, khidmat masyarakat atau bentuk lain.

Gesaan itu adalah antara dua perakuan MBM untuk meningkatkan patriotisme di kalangan belia Malaysia dalam memorandum dialog Belanjawan 2002 di Jabatan Perdana Menteri di sini, hari ini.

Sesi ketiga majlis dialog itu dipengerusikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Menteri Kewangan.

Saifuddin turut meminta kerajaan menyediakan peruntukan kepada persatuan-persatuan belia untuk menganjurkan pelbagai bentuk program Patriotisme Alaf Baru di pelbagai peringkat.

Beliau berkata program itu perlu untuk meningkatkan semangat dan makna patriotisme di kalangan belia dan menggalakkan mereka menterjemah patriotisme dalam bentuk sumbangan konkrit terhadap kemajuan, kemakmuran serta kesejahteraan rakyat dan negara.

Patriotisme Malaysia adalah sesuatu yang amat besar dan menjadi persoalan kewarganegaraan yang amat penting kerana ia meliputi aspek keyakinan, keberanian, kebijaksanaan, kesungguhan dan kesinambungan.

Patriotisme juga merupakan persoalan kemerdekaan dan kedaulatan, katanya.

Memorandum Belanjawan 2002 MBM itu membentangkan beberapa perakuan daripada Pelan Tindakan Pembangunan Belia Negara 2001-2010 (Pembina) termasuk belia dan pendidikan, belia dan kesihatan, belia dan pekerjaan serta belia dan sosio-budaya.

-- BERNAMA

AFY AKT NAK